



Kebolehgunaan Kit RIMBA bagi Penerapan Elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam kalangan Murid Orang Asli

Nur Bahiyah Abdul Wahab¹, Najib Haron² & Che Lah Che Mamat³

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, ²IPejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru ³Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

[1nurbahiyahwahab@gmail.com](mailto:nurbahiyahwahab@gmail.com)

[2mohdnajibharon@gmail.com](mailto:mohdnajibharon@gmail.com)

[3spipkipgktaa@yahoo.com](mailto:spipkipgktaa@yahoo.com)

Article Info

Received:

30 June 2019

Accepted:

10 September 2019

Publish

16 September 20189

E-mail address:

*corresponding Author :

[*nurbahiyahwahab@gmail.com](mailto:nurbahiyahwahab@gmail.com)

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Sekolah Rimba merupakan pendekatan pembelajaran luar bilik darjah yang lebih bersifat alami dan praktikal dengan menggunakan hutan dan sumbernya sebagai lokasi dan bahan pembelajaran. Walaubagaimanapun pencapaian murid Orang Asli masih berada pada tahap yang membimbangkan dan antara salah satu faktor utamanya adalah disebabkan oleh pendekatan pedagogi yang kurang sesuai dengan kehendak dan minat mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai kebolehgunaan kit RIMBA iaitu satu modul yang dibangunkan untuk membantu meningkatkan kompetensi sains murid Orang Asli yang berorientasikan elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM). Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik kebolehgunaan sebagai instrument pelaksanaan kajian. Sebanyak 30 orang responden telah dikenalpasti yang terdiri daripada murid Orang Asli sekitar Johor. Hasil kajian mendapati tahap kesahan kebolehgunaan Kit RIMBA adalah 94.67% menunjukkan tahap kesahan yang tinggi. Ini membuktikan kandungan Kit RIMBA berjaya mengukur apa yang sepatutnya diukur dan mencapai objektif pembangunannya. Penyelidikan ini dijangka akan dapat meyumbang kepada satu modul pedagogi yang boleh menjadi rujukan kepada guru-guru Sekolah Asli dan pemegang taruh dalam meningkatkan kompetensi murid Orang Asli di Malaysia.

Katakunci: *Kebolehgunaan, kit, Sekolah Rimba Malaysia, pedagogi, orang Asli*

Pengenalan

Sekolah Rimba merupakan pendekatan pembelajaran luar bilik darjah yang lebih bersifat alami dan praktikal dengan menggunakan hutan dan sumbernya sebagai lokasi dan bahan pembelajaran. Pendekatan Sekolah Rimba mempunyai pertalian dengan keperluan asas kanak-kanak. Keperluan asas bagi kanak-kanak adalah merangkumi keperluan untuk sihat, selamat, gembira dan positif (Sambell et al. 2010). Pelaksanaan Sekolah Rimba dapat membantu menjadikan murid lebih sihat dan gembira melalui aktiviti-aktiviti yang bersifat praktikal yang dijalankan (Knight, 2011). Pelaksanaan Sekolah Rimba di Eropah telah dapat memberikan inspirasi kepada murid untuk membangunkan keyakinan dan estim kendiri melalui aktiviti '*hands-on*' yang dijalankan.

Konsep Sekolah Rimba di Eropah secara ekstrinsik membolehkan murid-murid belajar mengenai manusia, flora, fauna dan interaksi organisma ini dalam kehidupan tetapi pada masa yang sama jika dilihat dari segi intrinsik murid-murid juga turut mendapat manfaat daripada kemahiran sosial yang disemai (O'brien & Murray 2003). Hal ini turut dikongsikan Jonston (2005) yang menyatakan Sekolah Rimba ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecenderungan yang tinggi dalam akademik tetapi juga berperanan untuk mengurangkan masalah disiplin.

Walaupun Sekolah Rimba merupakan satu pendekatan baru di Malaysia, namun pendekatan ini adalah seiring dengan kehendak transformasi kurikulum yang memfokuskan kepada pembangunan kompetensi murid sebagai teras kepada pembangunan modal insan yang berkualiti (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012b; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Transformasi kurikulum yang dibangunkan oleh KPM ini tidak mengecualikan penglibatan komuniti pribumi di Malaysia khasnya murid Orang Asli bagi sama-sama menyumbang kepada pencapaian pendidikan berkualiti di Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012a). Walaubagaimanapun, pencapaian murid-murid Orang Asli masih berada dalam situasi yang membimbangkan walaupun ia bukan lagi merupakan isu baru bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Kedua-dua buah organisasi ini telah mengambil beberapa langkah yang dirancang rapi berserta dengan peruntukan perbelanjaan yang besar bagi membolehkan golongan ini menerima pendidikan dan berjaya.

Melihat kepada peruntukan dan pelbagai kemudahan yang diberikan, masalah berkaitan dengan keciciran dan prestasi akademik dalam kalangan murid Orang Asli sewajarnya tidak berlaku secara serius. Oleh itu bagi meningkatkan kompetensi murid Orang Asli, pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian perlu diambil kira. Masyarakat Orang Asli pada hari ini didapati masih lagi mempraktikkan budaya, kepercayaan, politik, adat resam, pengetahuan dan kemahiran yang telah diperturunkan oleh nenek moyang masing-masing berteraskan kepada alam sekitar (Abdul Talib, 2003). Hakikatnya, pertalian erat antara alam dan Orang Asli dijadikan teras utama bagi kajian ini.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kebolehgunaan Kit RIMBA iaitu sebuah kit yang dibangunkan untuk membantu meningkatkan penguasaan akademik dan kompetensi murid Orang Asli. Model ADDIE yang bersandarkan kepada lima fasa utama iaitu analisis, rekabentuk, pembangunan, perlaksanaan dan penilaian telah dipilih sebagai panduan utama untuk membangunkan Kit RIMBA. Walaubagaimanapun,

perbincangan dalam kajian ini adalah berfokuskan kepada pada fasa penilaian menerusi penilaian kebolehgunaan Kit RIMBA.

Elemen Sekolah Rimba (eSRM)

Elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) merupakan konstruk bagi Sekolah Rimba yang menepati keperluan kurikulum Malaysia dan keperluan murid Orang Asli (Nur Bahiyah, 2015). Konstruk atau eSRM ini juga merujuk kepada sebuah rangka kerja yang terpeinci d serta bersifat modular yang menerangkan peranan fasilitator dan aktiviti yang dijalankan ke atas murid Orang Asli secara konsisten. Elemen ini memberikan garis panduan kepada fasilitator dan guru untuk menjalankan aktiviti. Elemen ini memberikan fokus kepada empat kriteria utama iaitu pendekatan pembelajaran, persekitaran, konsistensi dan amalan pengurusan risiko.

Dimensi atau sub-konstruk yang ditekankan dalam pendekatan pembelajaran adalah pembelajaran luar bilik darjah (PLBD), aktiviti berpusatkan murid dan bermain sambil belajar (Nur Bahiyah, 2015). Bagi persekitaran pembelajaran pula sub-konstruk atau dimensi yang terlibat adalah pembelajaran di persekitaran sejadi, persekitaran yang selamat dan di luar kelaziman. Persekitaran sejadi yang dirujuk dalam kajian ini adalah bermaksud persekitaran yang tidak dikelilingi oleh konkrit dan bersifat semula jadi. Aspek ketekalan pula mempunyai sub-konstruk atau dimensi seperti penggunaan ruang, masa dan mesra cuaca. Manakala aspek pengurusan risiko adalah merangkumi prosedur pengurusan risiko bagi pelaksanaan Sekolah Rimba yang melibatkan pengenalpastian risiko, penilaian risiko dan kawalan risiko.



Rajah 1: Kerangka konsep Sekolah Rimba Malaysia

Kebolehgunaan Kit Pengajaran Sains berorientasikan eSRM (Kit RIMBA)

Pembangunan modul yang berkualiti yang menepati objektif pembangunan, mampu memberi kesan terhadap kefahaman individu diambil kira sebagai modul yang berpengaruh (Ahmad Zuki, 2014). Dalam kajian ini, modul berbentuk kit pengajaran dibangunkan bagi melihat kesan penerapan eSRM terhadap kumpulan sasaran iaitu murid Orang Asli yang dinamakan sebagai Kit RIMBA. Kit RIMBA dibangunkan bagi memudahkan guru-guru Sekolah Asli untuk mengaplikasi pembelajaran berpusat murid secara optima bagi meningkatkan kompetensi sains murid. Kit RIMBA dibentuk bagi memastikan setiap aktiviti yang dirancang turut dibekalkan dengan maklumat mengenai bahan bantu mengajar yang digunakan. Ini adalah bertepatan dengan pendapat Kailani dan Rohani (2011) yang menyatakan kit pengajaran yang dibangunkan perlu mengandungi maklumat peralatan, keselamatan dan kos bagi setiap aktiviti yang dijalankan.

Kesahan bagi sesuatu yang kit pengajaran boleh diukur dengan menilai kebolehgunaan kit tersebut. Kebolehgunaan bermaksud kaedah mengukur keefektifan sistem atau alatan yang dibangunkan (Alias, Siraj, DeWitt, Attaran & Nordin 2013). Pengujian kebolehgunaan diperlukan untuk mengurangkan masalah kebolehgunaan reka bentuk sistem atau alatan yang dibangunkan itu. Bagi pengujian kebolehgunaan Kit RIMBA dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan syarat yang dikemukakan oleh Rusell (1974) iaitu sesuatu modul yang baik perlu memberi perhatian terhadap syarat-syarat berikut:

- i. menepati sasaran populasi iaitu mengambil kira aspek latar belakang dan tingkah laku kumpulan sasaran
- ii. situasi pengajaran dan perlaksanaan modul adalah baik dan memuaskan.
- iii. masa yang diperuntukkan kepada murid-murid untuk menjalankan aktiviti dalam modul adalah mencukupi
- iv. berlaku peningkatan prestasi pencapaian pada diri murid-murid setelah mengikuti modul
- v. berlaku perubahan sikap pada diri murid-murid ke arah lebih cemerlang

Objektif dan persoalan kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menilai kebolehgunaan Kit RIMBA bagi penerapan elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam kalangan murid orang asli. Objektif kajian ini akan menjawab persoalan kajian berikut:

Apakah nilai kebolehgunaan Kit RIMBA bagi penerapan elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam kalangan murid orang asli?

Metodologi

Soal selidik kesahan Kit RIMBA telah dibangunkan dengan mengambil kira syarat-syarat berikut yang diadaptasi daripada Rusell (1974). Penilaian kebolehgunaan Kit RIMBA telah mengambil kira aspek tersebut:

- i. Kit RIMBA menepati sasaran populasi
- ii. Kit RIMBA boleh beroperasi dengan sempurna
- iii. Masa yang diperuntukkan sesuai dan mencukupi
- iv. Kit RIMBA boleh meningkatkan kemahiran operasi tambah dan tolak murid-murid
- v. Kit RIMBA boleh mengubah sikap murid terhadap p&p

Soal selidik kebolehgunaan Kit RIMBA telah diserahkan kepada tiga orang pakar bagi tujuan kesahan muka dan kandungan.

Jadual 1.0: Soal selidik kebolehgunaan Kit RIMBA

Penyataan	Tahap Persetujuan Kebolehguna an Kit RIMBA				
	1	2	3	4	5
i. Kit RIMBA menepati sasaran populasi	1	2	3	4	5
ii. Kit RIMBA boleh beroperasi dengan sempurna	1	2	3	4	5
iii. Masa yang diperuntukkan sesuai dan mencukupi	1	2	3	4	5
iv. Kit RIMBA boleh meningkatkan pencapaian diri	1	2	3	4	5
v. Kit RIMBA boleh mengubah sikap diri lebih positif terhadap p&p	1	2	3	4	5
Jumlah Skor					
<i>penunjuk:</i>					
<i>1-sangat tidak setuju</i>	<i>4-setuju</i>				
<i>2-tidak setuju</i>	<i>5-sangat setuju</i>				
<i>3-kurang setuju</i>					

Bagi menentukan tahap kesahan kandungan modul, penyelidik menggunakan formula berikut:

Tahap Kesahan Waheed (1981)	Penguasaan Tuckmen & &	$\frac{\text{Jumlah Skor Responden} \times 100\%}{\text{Jumlah Skor Sebenar}}$
-----------------------------------	------------------------------	--

Formula ini telah digunakan Jamaluddin (2002) dan Mazlan (2010) bagi menentukan tahap kesahan modul dalam kajian mereka. Merujuk kepada formula tersebut Jamaludin (2002) menyatakan bahawa sesuatu modul itu disahkan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi apabila terbukti memperoleh nilai 70% ke atas. Soal selidik ini telah mendapat kesahan muka dan kandungan oleh tiga orang pakar. Setelah soal selidik kebolehgunaan ini mendapat kesahan pakar, soal selidik ini diedarkan kepada 30 orang responden bagi pengujian kebolehgunaan kit RIMBA.

Dapatkan Kajian

Soal selidik kebolehgunaan Kit RIMBA telah ditadbir ke atas 30 orang responden. Tahap persetujuan kebolehgunaan Kit RIMBA ini telah diperincikan lagi dengan menggunakan formula tahap penguasaan kesahan Tuckmen dan Waheed (1998) untuk melaksanakan pengesahan kebolehgunaan seperti pengiraan berikut:

$$\begin{aligned}
 & \text{Tahap Penguasaan Kesahan} && 710 \times 100 \% \\
 & \text{Tuckmen & Waheed (1981)} &= \hline & 30 (25) \\
 \\
 & &= & 94.67\% \\
 & & & \geq 70\%
 \end{aligned}$$

Hasil analisis skor yang diberikan oleh 30 orang responden ini menunjukkan tahap kesahan kebolehgunaan Kit RIMBA adalah adalah 94.67%. Dapatkan kebolehgunaan Kit RIMBA menunjukkan tahap kesahan yang tinggi (94.67%) telah membuktikan bahawa kandungan Kit RIMBA berjaya mengukur apa yang sepatutnya diukur dan mencapai objektif pembangunannya. Jamaluddin (2012) menegaskan bahawa kejayaan sesuatu modul bergantung kepada pencapaian responden terhadap objektif modul. Apabila terdapat peningkatan kompetensi sains murid Orang Asli selepas penerapan modul, maka secara tidak langsung Kit RIMBA telah berjaya mengukur apa yang harus diukur. Kesimpulannya, sesuatu modul hendaklah dinilai tahap kesahannya bagi memastikan modul tersebut benar-benar mengukur apa yang sepatutnya diukur dan syarat ini telah dipenuhi oleh Kit RIMBA.

Kesimpulan

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa pembelajaran luar bilik darjah yang berorientasikan eSRM dapat memberikan nafas baharu bagi pedagogi pribumi. Pedagogi yang bersifat mesra rimba ini dapat memberi bukan sahaja membantu guru-guru Sekolah Asli tetapi memberi satu gambaran pedagogi yang dinamik dan unik bagi meningkatkan kompetensi murid itu. Usaha untuk menerapkan eSRM di Malaysia melalui Kit RIMBA yang berfungsi sebagai mediumnya diharap dapat menjadikan sistem pendidikan kita lebih maju dan kehadapan dalam bidang pendidikan serta mendatangkan kesan yang positif kepada perkembangan skemata murid-murid. Penerapan eSRM dalam kompetensi sains murid juga diharapkan seiring dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meluaskan pendidikan alternatif kepada kanak-kanak terpinggir yang tidak berpeluang mendapatkan pendidikan formal terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, pulau dan terpencil, dalam kalangan Orang Asli dan Penan dan peribumi serta kanak-kanak berkeperluan khas (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012b). Beberapa kesan intrinsik dapat diperoleh dengan penerapan eSRM seperti meningkatkan keyakinan murid, menggalakkan individu bekerja secara koperatif, meningkatkan kepekaan terhadap rakan dan alam sekitar, meningkatkan motivasi, meningkatkan kemahiran psikomotor dan membangunkan kemahiran komunikasi dengan menggunakan Kit RIMBA sebagai mediumnya.

Rujukan

- Abdul Talib, Bon (ed). 2003. *Kenali kami masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat. Penerbit UTHM.
- Ahmad Zuki, R. E. (2014). *Model dan Modul Pengajaran Integrasi Holistik Guru Pelatih Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. (tesis PHD)
- Alias, N., Siraj, S., DeWitt, D., Attaran, M., & Nordin, A. B. (2013). Evaluation on the Usability of Physics Module in a Secondary School in Malaysia: Students' Retrospective. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 1(1), 44-53
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012. *Dunia Sains dan Teknologi Tahun 3*, Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Jamaludin Ahmad (2002). Kesahan, Kebolehpercayaan dan Keberkesanan Modul Program Maju Diri Ke Atas Motivasi Pencapaian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Negeri Selangor. Selangor: Universiti Putra Malaysia. Tesis (PhD)
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012 a. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025*, Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012b. *Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020*, Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

Knight, S. 2011. *Forest School For All*. London: Sage.

Mazlan Aris . 2010. *Pengesanan Tahap, Punca Dan Simptom Stres Serta Perlaksanaan Modul Latihan Kemahiran Mengawal Stres Kehidupan Guru*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
(tesis PHD)

Nur Bahiyah, A.W. 2015. Pembangunan Kit RIMBA berorientasikan elemen Sekolah Rimba Malaysia bagi Peningkatan Kompetensi Murid Orang Asli. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Tesis PhD)

Rusell, J.D. (1974). Modular Instruction: A Guide To The Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials. New York: Burgess Publishing Company.

Sambell, K., Gibson, M. & Miller, S., 2010. *Studying Childhood and Early Childhood* 2nd ed., London: Sage Publication, Inc.

NUR BAHIYAH BINTI ABDUL WAHAB
NO TEL: +6012-9366796
nurbahiyahwahab@gmail.com
IPG Kampus Temenggong Ibrahim